



**MINIT MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**Tarikh : 12 Disember 2024 (Khamis)**  
**Masa : 3.30 petang**  
**Tempat : Bilik Gerakan, Aras 15  
Menara KBS**  
**Pengerusi : YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan**  
**Kehadiran : Seperti di Lampiran A**

**1. PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 YBhg. Ts. Dr. Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Wakil Pegawai terutamanya kepada Puan Dalila binti Sharingat selaku Pengarah Kemahiran, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) yang baharu serta Wakil Pekerja ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bilangan 3 Tahun 2024.
- 1.2 Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara-perkara berikut:
  - 1.2.1 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 dan hanya seorang sahaja pegawai di KBS telah menolak tawaran opsiyen SSPA;
  - 1.2.2 Pengerusi merakamkan penghargaan kepada warga Kementerian yang terlibat dengan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam yang dikenali sebagai Skwad Ihsan MADANI yang telah turun ke beberapa lokasi banjir di Semenanjung Malaysia. Warga KBS juga diingatkan berkenaan gelombang kedua banjir dan bersiap sedia untuk membantu mangsa banjir seterusnya;
  - 1.2.3 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran bertarikh 9 Disember 2024 telah memaklumkan mengenai Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam yang

menjelaskan mengenai inisiatif pembudayaan keseronokan bekerja sektor awam bagi mewujudkan penjawat awam dan organisasi yang sejahtera serta berprestasi tinggi;

- 1.2.4 Kajian Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Warga KBS Tahun 2024 telah dilaksanakan secara atas talian pada 11 hingga 22 November 2024. Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KBS Bilangan 23 Tahun 2024 pada 6 Disember 2024 (Jumaat). Kajian ini telah melibatkan 3,113 orang responden bersamaan dengan 79.7% daripada keseluruhan populasi warga kerja KBS. Kajian ini mengukur enam dimensi utama iaitu Bidang Tugas, Penyelia/ Ketua, Peningkatan Kerjaya, Penghargaan/ Pengiktirafan, Perhubungan di Tempat Kerja dan Kemudahan/ Perkhidmatan lain. Skor kajian yang perlu ditingkatkan adalah di dalam dimensi penghargaan, agihan tugas serta kemudahan/ perkhidmatan;
- 1.2.5 Pengerusi menekankan agar hubungan dalam Bahagian juga perlu dititikberatkan di mana pusingan kerja perlu dilaksanakan kepada pegawai yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun. Status pusingan kerja di KBS adalah 9% sehingga Oktober 2024;
- 1.2.6 Ketetapan penjimatan dalaman KBS telah menyasarkan agar KBS dijadikan sebagai satu Kementerian *paperless* atau bebas kertas serta mengelakkan cetakan berwarna pada tahun 2025. Selain itu, Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan arahan mengenai penyediaan makan dan minum semasa mesyuarat dan majlis rasmi di mana Pengerusi Mesyuarat/ Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Mesyuarat/ Majlis Rasmi tersebut perlu disediakan makan minum bagi memastikan Mesyuarat/ Majlis Rasmi berjalan lancar dan tanpa pembaziran;
- 1.2.7 Semua urusan berkaitan pengurusan prestasi di submodul MyPerformance dan LNPT dalam sistem HRMIS bagi tahun 2024 perlu segera diselesaikan. Ini merupakan penilaian akhir bagi tahun 2024 yang merangkumi pencapaian Sasaran Kerja Utama (SKU), penglibatan dan sumbangan luar, nilai sepunya, kompetensi tingkah laku dan kompetensi fungsian;
- 1.2.8 Warga KBS agar diingatkan supaya mematuhi setiap prosedur dan pekeliling yang berkuat kuasa supaya tiada masalah tatakelola sehingga menjadi kes tatatertib. Dalam hal ini, warga KBS perlu sentiasa berazam melakukan sesuatu kerja dengan komited, teliti dan cemerlang;

- 1.2.9 Semakan dan penelitian berkaitan ketetapan tuntutan kerja secara lebih masa (*over time*) secara berhemah sedang dalam tindakan TKSU (P) dan dijangka siap pada awal tahun 2025; dan
- 1.2.10 Pengerusi mencadangkan supaya semua warga KBS untuk melakukan *small things with big impact* agar keseimbangan pekerjaan dan kehidupan dalam kalangan warga KBS dapat dicapai pada tahun 2025.

### **Makluman**

## **2. UCAPAN Pengerusi Pihak Pekerja**

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum ucapan Pengerusi Pihak Pekerja seperti berikut:
  - 2.1.1 Merakamkan penghargaan kepada BPSM selaku urus setia MBJ yang berjaya menganjurkan Mesyuarat MBJ Bil. 3/2024 dan mencapai ketetapan pelaksanaan MBJ iaitu tiga kali mesyuarat setahun;
  - 2.1.2 Sepanjang tahun 2024, MBJ telah menyelesaikan banyak perkara yang berbangkit dan di antara isu yang selalu dibangkitkan adalah Tempat Letak Kenderaan (TLK) Kakitangan KBS. Isu ini dapat diselesaikan dengan mewujudkan Akses TLK Khas di luar Menara KBS yang akan dibayar oleh KBS. Perincian isu TLK diselaraskan oleh BKP bersama Syarikat KLCC Management Parking;
  - 2.1.3 Merakamkan penghargaan kepada Pihak Pegawai yang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan warga KBS serta memberi komitmen dan perhatian terhadap isu-isu yang diutarakan serta mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu-isu tersebut; dan
  - 2.1.4 Semua wakil Pihak Pekerja yang dilantik diharap dapat memberi kerjasama bersama Pihak Pegawai dalam memberi penyelesaian terbaik terhadap isu dan usul yang disampaikan serta sentiasa menjaga nama baik KBS.

### **Makluman**

## **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 3.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KBS Bilangan 2 Tahun 2024 bertarih 28 Ogos 2024 disahkan tanpa pindaan.

### **Makluman**

#### **4. MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MBJ KBS BILANGAN 2 TAHUN 2024**

##### **4.1 Pindaan Perlembagaan**

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pindaan perlembagaan MBJ KBS telah diluluskan oleh pihak JPA pada 23 September 2024 iaitu bagi pembatalan keahlian KP i-LEAD sebagai wakil pengurusan. Urus setia MBJ akan meneliti semula keahlian wakil pihak pekerja selari dengan pindaan skim perkhidmatan dalam sistem saraan baharu, SSPA.

**[SELESAI]**

**Makluman**

#### **5. CADANGAN ISU/ USUL WAKIL PEKERJA MBJ KBS BILANGAN 3 TAHUN 2024**

##### **5.1 Cadangan Mempamerkan Carta atau Senarai Wakil Pekerja Ahli MBJ, Perlembagaan MBJ Dan Maklumat Berkenaan Isu Serta Maklum Balas Dalam MBJ Kepada Warga KBS**

5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Pengerusi bersetuju akan cadangan untuk membangunkan portal MBJ dengan mempamerkan carta atau senarai wakil pekerja ahli MBJ, Perlembagaan MBJ dan sebagainya untuk makluman dan info warga KBS.
- ii. Urus setia MBJ akan susuli pembangunan portal ini dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Portal Intranet MBJ dijangka dapat diakses dalam suku pertama tahun 2025.

**Tindakan:**  
**Urus setia MBJ**

##### **5.2 Cadangan Membekalkan Stok Air Mineral dan Juadah Ringan semasa Mesyuarat Dalaman/ Kursus/ Taklimat di Menara KBS**

5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan membekalkan stok air mineral dan juadah ringan semasa mesyuarat dalaman/ kursus/ taklimat di Menara KBS. Ini berikutan ketetapan penjimatan dalaman supaya mesyuarat dalaman/ kursus/ taklimat di Menara KBS tidak dibekalkan dengan makan minum.

5.2.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Kewangan (BKew) bersetuju menyediakan peruntukan yang akan diselaraskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bagi pembelian juadah ringan tersebut bermula pada bulan Januari tahun 2025.

5.2.3 Mesyuarat bersetuju stok air mineral tidak dibekalkan berikutan penapis air telah disediakan di setiap aras. Penyediaan penapis air juga akan disediakan di bilik mesyuarat aras 15 dan aras 4 bermula pada bulan Januari tahun 2025.

**[SELESAI]**

**Makluman**

### **5.3 Cadangan Menambah Baik Sistem Pengurusan Tempat Letak Kenderaan**

5.3.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara seperti berikut:

- i. Petak parkir di B2 yang diperuntukkan untuk pegawai khas selalu terbiar kosong. Perkara ini adalah satu pembaziran dan wajar ditawarkan kepada warga KBS sekiranya petak parkir berkenaan tidak digunakan.
- ii. Pegawai di Menara KBS yang tidak lagi menjadi pegawai khas kepada Ketua Jabatan hendaklah memulangkan semula petak parkir berkenaan kepada BKP.

5.3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak BKP telah mengambil tindakan berhubung perkara ini. Namun, sebarang pemakluman berhubung kekosongan parkir pegawai adalah di bawah tanggungjawab Jabatan dan Bahagian berkaitan.

**[SELESAI]**

**Makluman**

### **5.4 Larangan Memakir Motorsikal di Kawasan Berhadapan/ Sekitar Lobi**

5.4.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul larangan susur pejalan kaki di kawasan berhadapan/ sekitar lobi dijadikan tempat parkir motorsikal.

5.4.2 Mesyuarat bersetuju bahawa cadangan ini disusuli oleh BKP dengan

meletakkan notis amaran kepada motorsikal yang mengganggu susur pejalan kaki.

**Tindakan:**  
**SUB (KP)**

## 5.5 **Kursus Pengurusan Stres di Luar Menara KBS**

- 5.5.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan supaya Kursus Pengurusan Stres diadakan di luar Menara KBS bagi memberikan kelainan suasana dan dapat mengelakkan daripada gangguan tugas hakiki memandangkan pegawai sering dipanggil melaksanakan tugas semasa berkursus.
- 5.5.2 Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) mengambil maklum terhadap cadangan ini dan keputusan adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) kelak.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.6 **Hebahan Pertukaran Pegawai Keluar / Masuk di Menara KBS**

- 5.6.1 Mesyuarat mengambil maklum usul agar dilaksanakan hebahan pertukaran pegawai di Menara KBS. Pertukaran keluar/ masuk pegawai di Menara KBS dicadang dibuat hebahan secara bulanan melalui e-mel supaya warga KBS sentiasa cakna berkaitan pertukaran pegawai terutamanya yang melibatkan pertukaran di peringkat Pengurusan Tertinggi/ Ketua Pengarah/ Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit.
- 5.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa hebahan berkaitan pertukaran keluar/ masuk pegawai di KBS adalah semasa Majlis Perhimpunan Mesra Bulanan Kementerian dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT).
- 5.6.3 Mesyuarat bersetuju dengan usul hebahan pertukaran pegawai keluar/ masuk di Menara KBS turut dibuat hebahan melalui e-mel oleh BPSM pada setiap bulan mulai Januari 2025.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.7 Pelaksanaan Kursus Pengukuhan Pasukan

- 5.7.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar peruntukan untuk melaksanakan Kursus Pengukuhan Pasukan bagi BPM dipertimbangkan.
- 5.7.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa berdasarkan peraturan semasa, peruntukan yang disediakan adalah bagi melaksanakan kursus yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kompetensi generik dan fungsian pegawai. Dalam hal ini, elemen pengukuhan pasukan boleh diterapkan semasa pelaksanaan kursus-kursus tersebut dan tiada peruntukan khusus disediakan bagi pelaksanaan Kursus Pengukuhan Pasukan.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.8 Peningkatan Harga Makanan di Kafeteria KBS

- 5.8.1 Mesyuarat mengambil maklum usul berkenaan harga yang tinggi membebankan warga KBS yang tidak berkemampuan dan berpendapatan rendah.
- 5.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa wakil Kelab Team KBS telah mengadakan pemantauan harga di kafeteria KBS dan mendapati harga tersebut adalah berpatutan disebabkan kenaikan kos harga barang mentah semasa dan masih terdapat harga makanan yang jauh lebih murah berbanding makanan yang dijual pada hari jualan anjuran Puspanita KBS.
- 5.8.3 Mesyuarat bersetuju bahawa Kelab Team KBS menyusuli perkara ini dan mengadakan pemantauan secara berkala.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.9 Penempatan Mengikut Waran Perjawatan

- 5.9.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul agar penempatan pegawai adalah mengikut waran perjawatan yang sebenar berikutan bebanan tugas sedia ada di penempatan sebenar bagi menjalankan fungsi terpaksa dilaksanakan oleh pegawai lain sehingga menjejaskan kesihatan mental pegawai.

- 5.9.2 BPSM memaklumkan bahawa cadangan penugasan semula bertempoh bagi pegawai yang terlibat terlebih dahulu diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Pengurusan Tertinggi KBS dan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kepentingan perkhidmatan semasa.
- 5.9.3 Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini akan dilihat semula selepas penstrukturan semula KBS dipertimbangkan oleh pihak JPA.

**[SELESAI]**

**Makluman**

#### **5.10 Kursus bagi Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (S)**

- 5.10.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul agar BPSM menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian terutamanya bagi peningkatan kemahiran dan kompetensi pegawai skim S.
- 5.10.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa BPSM akan menambahkan lagi kursus berkaitan kompetensi pegawai skim S bagi tahun 2025.
- 5.10.3 Mesyuarat bersetuju agar wakil Pekerja Skim S mencadangkan kursus bersesuaian bagi peningkatan kemahiran dan kompetensi khususnya pegawai skim S kepada BPSM untuk dipertimbangkan pelaksanaannya dan digalakkan semua pegawai yang menghadiri kursus ini kelak berkongsi ilmu dan pengetahuan bersama rakan sekerja yang lain.

**Tindakan:**

**Wakil Pekerja Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (S)**

#### **5.11 Cuti Gantian bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)**

- 5.11.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar satu garis panduan yang merangkumi penetapan dari segi jumlah cuti gantian yang boleh diambil disediakan untuk panduan dan rujukan.
- 5.11.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini tidak perlu memerlukan garis panduan khusus kerana Kemudahan Cuti Gantian boleh dirujuk di dalam MyPPSM Ceraian SR.5.6.1.
- 5.11.3 Ketua Jabatan perlu memastikan setiap pegawai mengemukakan

bukti jelas kerja lebih masa seperti *thumb print*, jadual kerja dan lain-lain semasa membuat pertimbangan berkenaan kelulusan cuti gantian. Ketua Jabatan/ Bahagian hendaklah memastikan kelayakan cuti gantian tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang diberikan di Jabatan/ Bahagian masing-masing.

- 5.11.4 Mesyuarat bersetuju perkara ini dibawa untuk pemakluman bersama Ketua Jabatan/ Bahagian dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi akan datang.

**[SELESAI]**

**Makluman**

**5.12 Pengisian Kekosongan Jawatan Skim Perkhidmatan Belia Dan Sukan (S)**

- 5.12.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan agar pengisian kekosongan jawatan skim perkhidmatan belia dan sukan (S) diisi dengan segera. BPSM turut dicadangkan agar menyediakan data pegawai Skim S bagi tujuan pelan penggantian dan penempatan pegawai Skim S agar kekosongan jawatan tidak dibuat pengisian dalam tempoh yang lama.

- 5.12.2 Mesyuarat dimaklumkan oleh BPSM mengenai perkara-perkara berikut:

- i. pengisian kekosongan jawatan di gred lantikan adalah tertakluk kepada kelulusan pengisian yang diterima dari pihak Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), JPA. Sehingga Oktober 2024, pengisian jawatan bagi skim S adalah tinggi iaitu 94.9% melepasi sasaran minimum pengisian iaitu 90%; dan
- ii. cadangan pusingan kerja, pertukaran dan penempatan serta pengisian kekosongan jawatan di gred kenaikan pangkat yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) akan diangkat kepada Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat *Search Committee* (Gred 48 dan ke atas) dari semasa ke semasa.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 6. HAL-HAL LAIN

### 6.1 Kerisauan Pokok Tumbang di Sekitar Lobi KBS

6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum akan kerisauan pokok yang makin membesar di sekitar lobi Menara KBS sehingga mengakibatkan pokok tersebut tumbang.

6.1.2 Mesyuarat bersetuju BKP menyusuli perkara ini.

**Tindakan:**  
**SUB (KP)**

### 6.2 Penekanan Nilai Abjad bagi Perkataan M-A-L-A-Y-S-I-A

6.2.1 Mesyuarat mengambil maklum akan penekanan nilai yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara melalui abjad dalam perkataan MALAYSIA yang terdiri daripada M-Mesra, A-adil, L-luhur, A-amanah, Y-yakin, S-setia, I-Islah dan A-arif seiring usaha menjayakan reformasi perkhidmatan awam.

6.2.2 Pengerusi menekankan supaya warga KBS terus mengamalkan nilai-nilai murni melalui MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini dan tambahan nilai MALAYSIA oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam melaksanakan tugas dan kehidupan harian.

**Makluman**

## 7. PENANGGUHAN MESYUARAT

YBhg. Ts. Dr. Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.50 petang.


**Makluman**

Disediakan oleh:



.....  
(WAN MARDIANA BINTI ABDUL  
JALAL)

Setiausaha MBJ (Pihak Pegawai)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kementerian Belia dan Sukan  
Tarikh: 18 Disember 2024



.....  
(WARAWIT A/L ETAM)  
Setiausaha MBJ (Pihak Pekerja)  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Belia dan Sukan  
Tarikh: 18 Disember 2024

## LAMPIRAN A

### KEHADIRAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2024 KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

#### Wakil Pihak Pegawai:

1. **YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** - Pengerusi  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan
2. **Puan Azura binti Abidin**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Belia dan Sukan Negara
3. **Puan Dalila binti Sharingat**  
Pengarah Kemahiran  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
4. **Puan Rai'dah binti Mohd Yaman**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
5. **Encik Richard Barahim**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. **Puan Wan Mardiana binti Abdul Jalal** - Setiausaha Wakil  
Penolong Setiausaha Kanan Pihak Pegawai  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

#### Wakil Pihak Pekerja:

7. **Ts. Dr. Loke Kok Foong** - Pengerusi Wakil  
Penolong Pengarah Kanan Pihak Pekerja  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
8. **Encik Warawit A/L Etam** - Setiausaha Wakil  
Penolong Setiausaha Pihak Pekerja  
Bahagian Kewangan

9. **Encik Shahrul Nizam bin Abu Bakar**  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. **Puan Noraini binti Mat Isa**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
11. **Puan Nor Asmalena binti Mahmud**  
Penolong Pegawai Latihan  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
12. **Puan Rosmiza binti Che Azmi**  
Penolong Akauntan  
Bahagian Akaun
13. **Puan Zuraida Suhartini binti Asiak**  
Setiausaha Pejabat  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
14. **Encik Mohd Zaiam Syah bin Abd Rashid**  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Pengurusan Maklumat
15. **Encik Muhamad Fahmi Ikwan bin Zahari Man**  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
16. **Puan Norhaizura binti Sairan**  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Khidmat Pengurusan
17. **Encik Mohamad Halimi bin Jaafar**  
Pembantu Tadbir Kewangan  
Bahagian Kewangan
18. **Encik Nor Muhammad Firdaus bin Alias**  
Pembantu Operasi  
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

- 19. Encik Amiluddin bin Mohamed Amin**  
Penyelia Asrama  
IKTBN Chembong
  
- 20. Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Daud**  
Penolong Pegawai Vokasional  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
  
- 21. Encik Zainorkamarul Basahidin bin Saari**  
Penolong Pustakawan Kanan  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
- 22. Encik Che Anuar bin Che Weng**  
Pembantu Operasi  
Pejabat Ketua Setiausaha
  
- 23. Encik Muhammad Ashraf bin Abdullah**  
Pemandu  
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (S)

**Turut Hadir:**

- 24. Encik Quek Yew Aun**  
Pegawai Khas kepada KSU  
Pejabat KSU

**Urus Setia:**

- 25. Puan Fareena Ihsan Mohd. Basri**  
Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  
- 26. Encik Muhammad Hafizi bin Sazeli**  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Tidak Hadir Dengan Maaf:**

- 27. Encik Abdullah bin Hasan**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Belia dan Sukan

- 28. Puan Ramona binti Mohd Razali**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Belia dan Sukan
  
- 29. Encik Othman bin Abdullah**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan
  
- 30. Encik Azizi Azran bin Abdullah**  
Pegawai Belia dan Sukan  
Sekretariat Industri Sukan
  
- 31. Puan Nor Erney Salina binti Jahani**  
Penyelia Asrama  
IKTBN Alor Gajah, Melaka
  
- 32. Puan Nur Amalina binti Holidi**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan  
Jabatan Belia dan Sukan Negara